

ANALISIS KEPERLUAN PEMBACA TERHADAP KANDUNGAN AKHBAR DALAM KALANGAN MAHASISWA KUIS

Ahmad Rizqan Zainuddin

ahmadrizqan74@gmail.com

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Mohammad Zaid Adnan

mastermg806613@gmail.com

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Faradillah Iqmar Omar

faradillah@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kepelbagaiannya maklumat boleh didapati daripada pembacaan akhbar yang dapat memperkayakan pengetahuan. Suatu ketika, akhbar merupakan media yang menjadi pilihan utama pembaca untuk mendapatkan berita. Walau bagaimanapun, tren hari ini memperlihatkan kuasa media baharu yang mendahului berita di dalam akhbar. Perkara ini secara tidak langsung memberi impak terhadap pembaca. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pembaca mahasiswa KUIS terhadap kandungan akhbar. Antara objektif kajian adalah untuk meninjau jenis-jenis kandungan akhbar yang menjadi pilihan mahasiswa KUIS. Teori Kegunaan dan Kepuasan dijadikan dasar kajian ini iaitu dengan mengenal pasti kepuasan dan kegunaan pengguna terhadap media. Terdapat empat keperluan yang dikenal pasti iaitu keparluhan kognitif, escapism, afektif dan peribadi sosial. Kaedah kuantitatif melalui tinjauan kaji selidik digunakan dengan edaran 100 borang soal selidik secara rawak berlapis kepada mahasiswa di lima buah fakulti di KUIS. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Hasil dapatan kajian menunjukkan responden memperoleh kepuasan dari sudut keperluan kognitif mereka melalui pembacaan akhbar. Ini dapat menjelaskan bahawa pemikiran mereka turut terkesan dengan membaca berita dan maklumat yang disampaikan dalam akhbar. Selain itu, responden turut bersetuju bahawa kandungan akhbar yang paling diminati adalah kandungan berita sukan. Secara keseluruhan, kajian mendapati bahawa responden membaca akhbar adalah bertujuan untuk mendapatkan pengetahuan dan informasi. Perkara ini seharusnya diperhalusi agar generasi muda masa kini dapat membudayakan sikap membaca.

Kata Kunci : *Akhbar, kandungan akhbar, keperluan pembaca.*

PENGENALAN

Maklumat merupakan suatu data yang tersebar dan penting bagi tujuan perhubungan dan komunikasi sesama insan. Dunia yang serba moden kini dipenuhi dengan sarat sumber maklumat yang pelbagai. Kepelbagaiannya sumber maklumat membolehkan kita mengakses maklumat dengan dimana sahaja untuk mengetahui hal ehwal semasa. Namun, pembaca harus memperoleh

maklumat dari sumber yang dipercayai. Sumber yang berkualiti ini perlu agar membentuk satu tanggapan yang benar dan mampu mendidik masyarakat dengan maklumat yang telus. Antara sumber maklumat yang dipercayai kesahihan maklumatnya adalah media cetak terutama surat khabar. Mokhtar, Illias dan Rahmat (2000) dalam Akmar Hayati dan Siti Zobidah Omar (2014) menjelaskan bahawa surat khabar adalah media yang berpotensi meningkatkan pengetahuan golongan belia jika mereka membacanya. Seterusnya, Mc Quail (2005) menyatakan bahawa ramai di antara pengkaji memberi pendapat bahawa surat khabar masih mengekalkan peranannya sebagai medium yang menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

Namun begitu, laporan Berita Harian (2015) menyatakan bahawa di kebanyakan institusi pengajian tinggi hari ini, khasnya di universiti awam, pelajar didapati kurang berminat membaca akhbar. Kebanyakan mereka lebih selesa mendapat maklumat atau mengikuti perkembangan semasa melalui media baharu. Selain itu, mereka akui lebih mudah dapat maklumat melalui internet sama ada menerusi komputer atau telefon pintar. Mereka tidak perlu keluar membeli akhbar yang dianggap ketinggalan zaman. Bagi golongan ini akhbar tidak memenuhi cita rasa mereka. Justeru, menjadi keperluan untuk mengkaji tentang keperluan pembaca dalam kalangan mahasiswa kerana mereka adalah golongan belia atau generasi muda yang bakal memimpin negeri pada masa hadapan.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji keperluan pembaca dalam kalangan mahasiswa KUIS terhadap kandungan akhbar. Secara spesifik, objektif kertas kerja ini adalah untuk mengenalpasti jenis kandungan akhbar yang menjadi pilihan mahasiswa serta meninjau keperluan mahasiswa KUIS terhadap kandungan akhbar.

SOROTAN LITERATUR

Teori Kegunaan dan Kepuasan

Kajian ini menggunakan Teori Kegunaan dan Kepuasan sebagai asas dalam melihat hubungan antara faktor-faktor dan keperluan pembacaan akhbar. Prinsip dalam teori ini adalah pengguna media memainkan peranan yang aktif dalam memilih dan menggunakan media tersebut (Blumer & Katz, 1974). Pengguna media adalah pihak yang aktif dalam proses komunikasi, mencari sumber media yang paling baik dalam usaha mendapatkan maklumat yang diingini. Pengguna mempunyai pilihan yang pelbagai untuk memuaskan keperluannya dalam mendapatkan maklumat (Nurudin, 2013). Dalam teori ini, pendekatan kemanusiaan sangat diperincikan dalam memilih media. Blumer dan Katz (1974) dan McQuail (1957) menjelaskan bahawa teori kegunaan dan kepuasan ini memandang hubungan antara isi media dan pengguna serta dapat dikategorikan kepada lima kategori. Pengguna cenderung memilih media dengan menilai isi media yang dapat memenuhi keperluan kognitif (keinginan untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan serta meningkatkan pemahaman tentang maklumat itu), keperluan perasaan (untuk hiburan), keperluan peribadi (memberi keyakinan), keperluan sosial (kekalkan hubungan sosial apabila mampu berkongsi maklumat ketika berkomunikasi) dan keperluan eksapsisme (suatu keperluan melepaskan tekanan dan keinginan untuk ubati kesunyian dan rasa bosan). Maka dengan itu, kajian ini dinilai amat bersesuaian dengan konsep teori untuk melihat keperluan pembaca dalam kalangan mahasiswa KUIS terhadap kandungan akhbar.

Pembacaan Akhbar

Surat khabar adalah alat untuk pemerkasaan pendidikan dan peribadi. Surat khabar adalah sumber terbaik untuk maklumat dan evolusi dalam setiap bidang. Surat khabar mesti menjadi lebih bebas, penafsir maklumat yang lebih ekonomik. Ia membantu untuk pengembangan kemahiran untuk pemerkasaan intelektual dan peribadi. Surat khabar memberikan penerapan pembacaan maklumat, pemikiran kritis, kemahiran analitik, dan kemahiran sintesis yang diperlukan untuk pemahaman (Dinesh Kumar, 2019). Selain itu, surat khabar juga membantu pelajar kolej membuat hubungan antara pelbagai bidang, subjek, topik, isu, dan peristiwa, dan oleh itu membantu mereka mengemukakan soalan yang betul. Surat khabar mesti membolehkan pelajar, pernyataan, tingkah laku, dan menyediakan transkrip verbatim. Ia juga membolehkan pelajar untuk membaca teks ucapan penting, siaran akhbar, pernyataan, dan laporan supaya mereka dapat membuat kesimpulan sendiri. Ini mengembangkan keupayaan untuk berfikir secara bijaksana, bijak untuk menyelesaikan masalah, menganalisis data, mengingat dan menggunakan maklumat.

Tabiat membaca surat khabar bukan sahaja menimbulkan kebiasaan membaca tetapi juga peningkatan diri. Amalan membaca surat khabar telah dikaitkan dengan peningkatan dalam sikap pelajar terhadap membaca secara keseluruhan (DeRoche, 1981; Palmer, Fletcher & Shapley, 1994; Seely, 1980 dalam Dipika Majumder & Md.Mehedi Hasan, 2013). Sehubungan itu, Aliya et al. (2017) menjelaskan semasa membaca, pelajar harus berfikir secara menyeluruh, memeriksa susunan fakta dan logik artikel, menganalisis konteks, meneroka alternatif, untuk menjelaskan pandangan mereka. Pembacaan analitik mengajar pelajar untuk bekerja dengan banyak kategori maklumat dengan mudah. Keupayaan pelajar menggunakan pelbagai jenis teks akan membantu mereka menggunakan semua jenis sumber maklumat dengan cekap.

Penurunan pembaca berita mempunyai implikasi terhadap peranan media massa dalam mewujudkan kewarganegaraan yang berpengetahuan (Kohut, 1990; Mindich, 2005; Ward & Wackman, 1971 dalam Edgar Huang, 2009). Berdasarkan teori penggunaan dan kepuasan, kajian ini meneliti bagaimana sekumpulan golongan muda memilih media dan kandungan untuk memenuhi keperluan mereka sendiri dan mengapa mereka melakukannya dengan cara yang mereka lakukan.

METODOLOGI

Kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini dengan edaran borang soal selidik kepada responden. Sampel yang dikenal pasti adalah responden terdiri daripada mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang aktif dalam mencari maklumat menggunakan sumber-sumber media akhbar. Dalam kajian ini, pengkaji telah menghadkan dengan seramai 100 orang responden yang terdiri daripada golongan pelajar yang berumur antara 18 tahun hingga 28 tahun.

Pra Ujian

Pengkaji telah menjalankan pra ujian ke atas 30 orang responden bagi menguji kesahan instrument serta mengenal pasti sebarang kesilapan. Analisis data pra-ujian mendapati bacaan *Combach's Alpha* adalah bernilai 0.922 untuk pemboleh ubah Keperluan Pembaca dan 0.839 untuk pemboleh ubah Kandungan Akhbar. Ini menunjukkan bacaan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi

bagi item-item dalam instrument yang digubal. Data yang diperoleh telah dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS).

DAPATAN KAJIAN

Profil Demografi

Demografi responden dalam kajian ini merangkumi jantina, umur dan taraf pendidikan yang dikupas dengan teliti. Majoriti adalah responden lelaki (65%) manakala responden perempuan sebanyak 35%. Majoriti responden juga adalah berumur antara 21 hingga 24 tahun (67%) dan sedang menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda (62%). Responden yang dipilih adalah mengikut kepada 5 buah fakulti di KUIS dengan bilangan sama rata. Jadual 1 menjelaskan taburan profil demografi responden.

Jadual 1: Profil Demografi (N=100)

Item	Peratusan
Jantina	
Lelaki	65
Perempuan	35
Umur	
17-20	27
21-24	67
25-28	6
Taraf Pendidikan	
Asasi	1
Diploma	35
Sarjana Muda	62
Sarjana	2

Keperluan Pembaca

Kajian ini turut melihat keperluan pembaca dalam kalangan mahasiswa di KUIS. Terdapat empat keperluan yang dikenal pasti iaitu keperluan kognitif, keperluan eskapism, keperluan afektif dan keperluan peribadi sosial. Skor min ini bertujuan mengukur keperluan pembaca dalam kalangan mahasiswa terhadap kandungan akhbar. Ini dikategorikan mengikut Skala Likert iaitu 1 untuk sangat tidak setuju, 2 untuk tidak setuju, 3 untuk sederhana setuju, 4 untuk setuju dan 5 untuk sangat setuju. Jadual 2 menunjukkan taburan bacaan min dan sisihan piawai bagi mengukur keperluan pembaca. Jumlah skor min tertinggi menunjukkan keperluan kognitif sebagai faktor utama yang mendorong mahasiswa membaca akhbar ($\text{min}=3.73$, $\text{SP}=.83$) diikuti dengan keperluan peribadi sosial ($\text{min}=3.67$, $\text{SP}=.91$), keperluan eskapisme ($\text{min}=3.49$, $\text{SP}=.83$) dan keperluan afektif ($\text{min}=3.31$, $\text{SP}=.93$).

Jadual 2: Taburan min dan sisihan piawai Keperluan Pembaca

Pemboleh ubah	Min	Sisihan Piawai
Keperluan Kognitif	3.73	.83
Keperluan Eskapisme	3.49	.83
Keperluan Peribadi Sosial	3.67	.91
Keperluan Afektif	3.31	.93

Kandungan Akhbar

Kajian ini turut melihat kandungan akhbar yang menjadi pilihan mahasiswa di KUIS. Ini merangkumi ciri-ciri serta jenis berita kandungan akhbar yang menjadi kecenderungan mahasiswa untuk membaca. Jadual 3 menunjukkan skor min paling tinggi pada akhbar yang dipenuhi dengan gaya bahasa yang menarik ($\text{min}=3.65$, $\text{SP}=.84$). Ini menunjukkan bahawa ciri-ciri kandungan akhbar yang mempunyai gaya bahasa yang menarik menjadi pilihan mahasiswa untuk membacanya. Selain itu, harga senaskah surat khabar juga merupakan antara ciri yang dipersetujui oleh mahasiswa ($\text{min}=3.63$, $\text{SP}=.93$).

Jadual 3: Kandungan Akhbar (Ciri-Ciri)

Ciri-ciri	Min	Sisihan Piawai
Kebanyakannya kandungan akhbar terlalu berat untuk setiap isi yang disampaikan	3.49	0.93
Kebanyakannya kandungan akhbar dipenuhi dengan gaya bahasa yang menarik	3.65	0.84
Kebanyakannya kandungan akhbar mempunyai rekaan grafik yang mampu menarik perhatian	3.52	0.96
Kandungan akhbar yang baik bergantung kepada tajuk utama yang diberikan	3.56	0.96
Kandungan akhbar terlalu rumit (sukar difahami) untuk pelajar	3.13	1.04
Kandungan akhbar ringkas, tepat dan padat serta mudah difahami	3.46	0.88
Dengan harga senaskah akhbar sangat berbaloi dengan isi kandungan yang diberi	3.63	0.93

Jadual 4 pula menunjukkan edisi kandungan akhbar yang menjadi pilihan mahasiswa KUIS. Daripada taburan, didapati bahawa majoriti memilih akhbar berita sukan (min=4.10, SP=.95). Besar kemungkinan perkara ini dipengaruhi oleh jantina responden yang majoriti adalah lelaki. Selain itu, majoriti juga memilih akhbar yang berkaitan dengan agama (min=3.97, SP=.78), diikuti kesihatan (min=3.96, SP=.93) dan agama (min=3.94, SP=.89).

Jadual 4: Kandungan Akhbar (Jenis Berita)

Jenis Berita	Min	Sisihan Piawai
Hiburan	3.92	1.07
Sukan	4.10	0.95
Politik	3.38	0.98
Ekonomi	3.36	1.03
Agama	3.94	0.89
Pendidikan	3.68	1.01
Sastera	3.37	1.02
Jenayah	3.97	0.78
Kesihatan	3.96	0.93
Kartun	3.58	1.09
Rancangan TV	3.89	0.90
Sains & Teknologi	3.79	0.86
Sosial & Kemasyarakatan	3.77	0.96
Keluarga	3.74	0.89
Kebudayaan	3.65	0.80
Iklan	3.53	1.00
Sisipan	3.09	1.01
Mahkamah	3.03	1.07
Lidah Pengarang	2.83	0.89
Rencana	3.20	1.03
Forum	3.19	0.95

PERBINCANGAN

Hasil keseluruhan kajian menunjukkan bahawa keperluan pembaca mahasiswa KUIS terhadap akhbar adalah keperluan kognitif pada skor min paling tinggi 3.73 (SP=.83) iaitu mahasiswa membaca akhbar untuk mendapatkan pengetahuan dan kepuasan atas maklumat yang diperoleh. Oleh itu, kandungan akhbar perlulah lebih menjurus kepada keperluan pembaca yang menginginkan akhbar yang mengandungi maklumat yang menambah pengetahuan pembaca. Kajian juga mendapati bahawa ciri kandungan akhbar yang menjadi keperluan pembaca mahasiswa KUIS adalah akhbar yang mengandungi gaya bahasa yang menarik dan mudah difahami oleh pembaca. Hasil kajian ini juga menjelaskan bahawa kandungan yang paling menjadi pilihan pembaca mahasiswa KUIS adalah jenis berita sukan yang sesuai dengan gaya hidup aktif golongan ini.

KESIMPULAN

Akhbar ataupun lebih dikenali sebagai “surat khabar” berperanan penting dalam kehidupan masyarakat hari ini. Daripada hasil kajian, didapati mahasiswa masih lagi mahu membaca akhbar walaupun pada masa kini terdapat pelbagai pilihan untuk membaca akhbar sama ada melalui akhbar bercetak maupun akhbar berita dalam talian. Perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah tentang gaya bahasa dalam kandungan akhbar itu sendiri. Akhbar merupakan wadah penyebaran yang berkesan walaupun pada masa ini kita sudah mengalami perubahan zaman yang menggunakan teknologi serba canggih. Akhbar yang bermutu haruslah dihasilkan untuk melahirkan insan yang berpengetahuan luas. Dengan itu, menjadi keperluan untuk terus membaca akhbar bagi memperoleh maklumat serta membina minda masyarakat yang maju seiring dengan peredaran era globalisasi.

RUJUKAN

- Akmar Hayati binti Ahmad Ghazali dan Siti Zobidah Binti Omar (2014). Keperluan Pembaca Remaja Terhadap Kandungan Akhbar. *Malaysian Journal of Communication*. Jilid 30(Special Issue): 17-28
- Aliya A. Singatullova, Liliya R. Sakaeva, Guljusa K. Ismagilova. (2015)Reading Newspaper Articles as a Motivation Tool for Students with Nonlinguistic Major. *Journal of History Culture and Art Research*, 6 (5). Diakses dari https://www.researchgate.net/publication/321773072_Reading_Newspaper_Articles_as_a_Motivation_Tool_for_Students_with_Nonlinguistic_Major
- Berita Harian (2015). Pengaruh Akhbar, Media Baharu Perlu Seimbang. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/12/108256/pengaruh-akhbar-media-baharu-perlu-seimbang>
- Blumler, J. G. & Katz, E. (1974). The uses of mass communications: Current perspectives on gratifications research. *Journal of Broadcasting & electronic Media*. 53 (3), 460-476
- Dinesh Kumar. (2019). Newspaper Reading Among College Students in Development Of Their Analytical Ability. Diakses dari <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED505697.pdf>
- Dipika Majumder1 Md.Mehedi Hasan . (2013). Newspaper Readin g Habits of Private University Students: a Case Study on World University of Bangladesh. *IOSR Journal of Business and Management (IOSR-JBM)*, 12(1): 87-91
<https://pdfs.semanticscholar.org/c9ba/041ce87128c6301ad3029035775b7148e999.pdf>
- Edgar Huang. (2009). The Causes of Youths' Low News Consumption and Strategies for Making Youths Happy News Consumers. *Convergence: The International Journal of Research into New Media Technologies*, 15(1): 105–122
- Katz, E., Haas, H., & Gurevitch, M. (1973). On the use of mass media for important things. *American Sociological Review*, 38(2),164-181.
- McQuail, D. (2005). *Mass Communication Theory* (5th ed.). Beverly Hills, CA:Sage Publications.
- Nurudin. (2013). *Pengantar Komunikasi Massa*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.